

Jalin kerjasama dengan industri

BERITA HARIAN CUARSTI EDISI KHAS

1 SEPT 2016 m/s 20

Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan 60 syarikat tempatan di seluruh negara pada program Ramah Mesra Bersama Industri di sini, baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (**gambar**), berkata universiti itu sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik hingga peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, objektif kerjasama itu adalah bagi membincangkan prospek bidang pendidikan dan penyelidikan, termasuk mengetahui kehendak industri dalam pasaran pekerjaan.

“UMP sentiasa berdam-ping dengan industri untuk menyampaikan perkembangan dan hala tuju universiti serta mengetahui aspek perlu dimiliki pelajar untuk memasuki pasaran kerjaya selepas menamatkan pengajian nanti,” katanya pada sidang media.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib; Penaung Dewan Perniagaan Muslim Malaysia, Datuk Syed Omar Al Sagaff; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Widad Business Group, Datuk Mohd Rizal Mohd Jaafar dan CEO Petronas ICT Sdn Bhd, Izwan Hasli Ibrahim.

Diiktiraf antarabangsa

Prof Daing Nasir berkata, kerjasama itu juga dapat mengeratkan lagi hubungan strategik dan membuka peluang luas dalam bidang penyelidikan dan pembangunan akademik dua hala.

Dalam konteks ini, beliau berkata, program kejuruteraan juga sentiasa ditambah nilai melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman.

“Kesinambungan usaha kejayaan dalam program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, kini diperluas dengan penawaran program dwijazah sarjana dalam



info

UMP

→ Program dwijazah sarjana dapat membuka lebih banyak peluang untuk pelajar menjalankan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan Jerman

→ UMP adalah universiti awam (UA) pertama menjalankan program dwijazah sarjana di negara ini

Fakta nombor

33,464 ALUMNI
sejak 14 tahun penubuhan UMP

bidang kejuruteraan automotif yang boleh dimanfaatkan masyarakat negara ini,” katanya.

Sebelum ini, UMP menganjurkan Program CEO@ Faculty Programme untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama pihak universiti, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan serta menjana pembangunan holistik.

UMP juga diiktiraf pada peringkat antarabangsa apabila tiga pelajarnya dianugerahkan Biasiswa Konfusian bagi mengikuti Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas 2016 di Universiti Tianjin, China.